

**BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI**

**SPM2004/A/S1**

- (a) Terangkan masalah asas ekonomi. [4 markah]
- (b) Petikan berikut adalah berkaitan dengan firma Al Kalam:

Firma Al Kalam merancang untuk mengeluarkan suatu barang halal yang berasaskan prinsip dan hukum Islam. Setelah kajian dijalankan ke atas keperluan semasa penduduk, firma Al Kalam mengambil keputusan untuk mengeluarkan pakaian yang berimejkan Islam.

Nyatakan dan terangkan masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh firma Al Kalam. [12 markah]


**SPM2005/A/S1**

- (a) Berikut adalah keputusan yang telah diambil oleh kerajaan sebuah negara:


Kerajaan telah menangguhkan projek pembinaan landasan kereta api berkembar yang menelan belanja berbilion ringgit untuk memberi tumpuan kepada projek-projek pembangunan luar bandar.

Merujuk kepada konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas, bagaimanakah keputusan tersebut diambil? [5 markah]

- (b) Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan dua jenis barang:



Gambar 1



Gambar 2

Nyatakan ciri-ciri setiap barang tersebut. [ 8 markah]

- (c) Berikut adalah maklumat tentang Negara A dan Negara B:

<b>Negara A</b>
Kerajaan tidak campur tangan dalam membuat keputusan ekonomi.

<b>Negara B</b>
Kerajaan berkuasa penuh dalam membuat keputusan ekonomi.

- (i) Nyatakan sistem ekonomi Negara A dan Negara B. [ 2 markah]
- (ii) Bezakan ciri-ciri sistem ekonomi tersebut. [10 markah]

**SPM2006/A/S1**

(a) Jelaskan ciri sistem ekonomi Islam daripada aspek berikut:

- (i) Motif [3 markah]
- (ii) Pemilikan sumber [3 markah]
- (iii) Pembuat keputusan [3 markah]

(b) Berikut adalah maklumat tentang Syarikat XY Sendirian Berhad:

Syarikat XY Sendirian Berhad berhasrat mengeluarkan tayar dan cermin kereta. Walau bagaimanapun syarikat tersebut menghadapi masalah ekonomi.

Bagaimanakah syarikat itu menyelesaikan masalah tersebut? [6 markah]

**SPM2007/A/S1**

(a) Gambar 1 menunjukkan perbualan antara seorang bapa dengan anaknya.



Gambar 1

Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh keluarga itu. [6 markah]

(b) Gambar 2 menunjukkan satu contoh barang dalam ekonomi.



Gambar 2

- (i) Apakah jenis barang tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan lima ciri barang di 1(b)(i). [5 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan satu ciri sistem ekonomi negara X.

- Harga barangan ditentukan oleh mekanisme harga.
- Kerajaan mengawal melalui cukai dan subsidi

- (i) Apakah sistem ekonomi negara X? [ 1 markah]  
 (ii) Huraikan dua ciri lain sistem ekonomi tersebut. [ 6 markah]

(d) Bezakan Sistem Ekonomi Kapitalis dengan Sistem Ekonomi Perancangan Pusat dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

- (i) Apa yang hendak dikeluarkan [2 markah]  
 (ii) Bagaimana hendak dikeluarkan [2 markah]  
 (iii) Untuk siapa dikeluarkan [2 markah]

**SPM2008/A/S1**

(a) Terangkan empat sumber ekonomi yang diperlukan dalam pengeluaran sesuatu barang. [8 markah]

(b) Gambar 1 menunjukkan perbualan berkaitan dengan pemilihan jenis barang untuk Encik Amin mendapatkan rawatan perubatan.



Gambar 1

- (i) Kenal pasti jenis barang yang terlibat dari sudut ekonomi. [2 markah]  
 (ii) Adakah anda bersetuju dengan cadangan Puan Hajar? Berikan dua alasan berdasarkan ciri barang dalam ekonomi. [4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi bagi sebuah syarikat:

Syarikat Perumahan Mutiara Sendirian Berhad merancang untuk membina rumah teres setingkat dengan menggunakan intensif buruh.

Terangkan masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh syarikat tersebut. [4 markah]

- (d) Gambar 2 menunjukkan perbincangan yang berkaitan dengan cadangan untuk menubuhkan cawangan baru syarikat.



Gambar 2

- (i) Namakan sistem ekonomi Negara X dan Negara Z. [2 markah]
- (ii) Bezakan tiga ciri sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut. [6 markah]